

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 December 2015

Kerajaan yakin ringgit kembali stabil

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Kerajaan yakin pelbagai langkah strategik yang sedang dilakukan ketika ini mampu menstabilkan semula nilai mata wang ringgit.

Perdana Mentcii. Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nilai ringgit semakin menunjukkan perubahan dan kembali mengukuh sebanyak 3-8 peratus dari 1 Oktober hingga 20 November lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, antara langkah strategik yang diambil termasuklah transformasi ekonomi dengan mengurangkan kebergantungan pada sektor komoditi yang kini hanya menyumbang sebanyak 18 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti dan agensi lain telah membangunkan pasaran modal dengan mengembangkan pasaran bon tempatan, yang memastikan risiko dedahan pergerakan mata wang berada pada tahap minimum.

"Pasaran bon dalam mata wang tempatan turut membantu syarikat menguruskan dedahan mereka terhadap turun naik mata wang asing dan risiko berkaitan, sekali gus mempelbagaikan sumber ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada sektor perbankan.

"BNM juga mengumpul rizab bagi membina penampan bagi mengimbangi turun naik berlebihan kadar pertukaran pada tempoh kebalikan modal ketika ini. Penampan ini lebih daripada lapan kali jumlah import, melebihi kelaziman antarabangsa iaitu tiga bulan," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Ahmad Marzuki Shaary (Pas-Bachok)** mengenai

Um-1/12/2015

BNM juga mengumpul rizab bagi membina penampan bagi mengimbangi turun naik berlebihan kadar pertukaran pada tempoh kebalikan modal ketika ini. Penampan ini lebih daripada lapan kali jumlah import, melebihi kelaziman antarabangsa iaitu tiga bulan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

tindakan yang dilakukan kerajaan terhadap kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri menegaskan, kejatuhan nilai ringgit sejak September 2014 itu juga bukanlah suatu kes terpencil dan ia didorong oleh faktor luaran.

Najib berkata, antara faktor itu ialah jangkkaan pelabur terhadap kemungkinan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) akan dinai-kan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan sentiasa memantau secara terperinci jumlah dan jenis aliran tunai keluar melibatkan pemastautin dan bukan pemastautin di negara ini.

"Perkara ini termasuk menggalakkan syarikat tnilik kerajaan (GLC) untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing. Malah, GLC juga dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu untuk membuat pelaburan di luar negara," jelasnya.